

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

Penularan coronavirus

Pesawat berlepas ke Wuhan bawa pulang rakyat Malaysia

141 penumpang akan melalui tapisan kesihatan sebelum dibenar berlepas balik

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Luqman Arif Abdul Karim
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pesawat AirAsia, AK8264, berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (klia2) ke Wuhan, China, pada jam 4.38 petang semalam, untuk membawa pulang 116 rakyat Malaysia dan 25 pasangan dan anak mereka, yang berdepan perintah berkurung di bandar raya dalam wilayah Hubei itu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata pesawat A320 itu turut membawa bersama 500,000 sarung tangan getah sebagai sumbangan kepada kerajaan China dalam operasi menangani penularan coronavirus (2019-nCoV) di negara terbabit.

"Kesemua 141 penumpang ini akan melalui tapisan kesihatan mengikut ketetapan pihak penerbangan di Lapangan Terbang Antarabangsa Tianhe, Wuhan, sebelum dibenarkan memasuki pesawat untuk berlepas balik ke Malaysia."

"Tempoh yang diambil untuk tapisan kesihatan, proses imigresen dan kebenaran berlepas tidak dapat dipastikan buat masa ini.

"Sebaik tiba di Malaysia, se-



Sebahagian daripada pasukan Perubatan Kecemasan dan Perkhidmatan Trauma (EMTS) Kementerian Kesihatan membawa peralatan untuk berangkat ke Wuhan semalam.

(Foto Aizuddin Saad/BH)

mu 167 penumpang iaitu 141 yang dibawa pulang, 12 kru, lapan petugas misi dan enam pegawai Kedutaan Besar Malaysia di Beijing sekali lagi akan melalui tapisan kesihatan di Unit Bencana Udara (ADU) KLIA," katanya dalam kenyataan semalam.

Dr Wan Azizah yang juga Pejabat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat, berkata mana-mana penumpang didapati mempunyai gejala coronavirus akan dibawa terus ke hospital, manakala yang melepas saringan dibawa menuka bas ke pusat pemantauan selama 14 hari.

"Agensi Pengurusan Bencana

Negara (NADMA) akan berhubung dengan waris mereka bagi memaklumkan urusan penerbangan pulang dan memberi peringatan berkaitan proses kuarantin yang perlu dilalui ahli keluarga sepajang 14 hari," katanya.

Sementara itu, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, menjelaskan yang sepanjang tempoh kuarantin itu, ahli keluarga mereka tidak boleh datang melawat, sebaliknya hanya boleh berhubung menerusi telefon bimbit.

Menyentuh empat fasa proses

membawa semua rakyat Mala-

ysia pulang, beliau berkata, sa-ringan terhadap kesemua rakyat Malaysia dan warga asing yang juga pasangan serta anak mereka, akan dilakukan pihak berkuasa China di Lapangan Terbang Antarabangsa Wuhan Tianhe, sebelum dibenarkan mewakti pesawat AirAsia yang melakukan penerbangan misi bantu-tuan kemanusiaan itu.

Katanya, hanya mereka yang didapati sifat yang dibenarkan mewakti pesawat untuk pulang, manakala mereka yang menunjukkan gejala perlu tinggal di Wuhan untuk menjalani rawatan.

Protokol darurat mungkin lewatkan perlepasan

Kuala Lumpur: Pesawat khas yang dijadualkan membawa rakyat Malaysia keluar dari Wuhan, China, mungkin berdepan kelewatkan berikutnya situasi rumit membatikan protokol darurat, imigresen dan proses saringan kesihatan.

Memperincikan perkembangan semasa, Duta Malaysia ke China, Raja Datuk Nushirwan Zainal Abidin, berkata keadaan itu adalah perkara biasa ketika misi se-demikian, namun pihaknya seniasa berhubung dengan rakyat Malaysia yang berada di Wuhan dan sekitar wilayah Hubei yang terjejas.

Katanya, prosedur berkaitan turut dimaklumkan kepada rakyat Malaysia supaya misi berupaya dijalankan tanpa sebarang rinta-

gan, selain senarai penumpang yang bakal dibawa pulang ke tanah sudah dikemukakan kepada pihak berkuasa China.

Wabak coronavirus dikesan menular dalam kalangan penduduk Wuhan berpuncanya daripada operasi pasar makanan laut di bandar raya itu sejak Disember lalu yang kini mengorbankan 362 nyawa dan menjangkiti seramai 17,387 orang di seluruh dunia.

Virus baru yang mengundang risiko tinggi dalam kalangan orang tua, kanak-kanak dan mempunyai masalah kesihatan itu setakat ini sudah merebak ke 27 negara di seluruh dunia, termasuk Malaysia, Thailand, Indonesia dan Singapura.

Nushirwan berkata, pasukan

petugas dari Kedutaan Besar Malaysia di Beijing yang tiba di bandar raya sudah membuka bilik operasi sekretariat sejurus tiba bagi membantu proses penghantaran pulang rakyat Mala-

ysia di Wuhan susulan penularan wabak coronavirus tetapi tujuh, Kedutaan Malaysia di China turut menitipkan pesanan khas menerusi saluran berkaitan.

Bagi memastikan harapan rakyat Malaysia yang berdepan perihal berkurban di Wuhan susulan penularan wabak coronavirus tetapi tujuh, Kedutaan Malaysia di China turut menitipkan pesanan khas menerusi saluran berkaitan.

"Hari ini adalah hari untuk membawa pulang rakyat Malaysia di Wuhan. Kerajaan Malaysia dan kedutaan mengambil segala usaha dan tindakan yang diperlukan supaya urusan berjalan dengan lancar.

Risiko jangkitan virus dalam penerbangan sangat rendah

Kuala Lumpur: Sistem pendaraan yang baik dalam pesawat, menyebabkan risiko jangkitan coronavirus (2019-nCoV) di antara penumpang yang berada dalam penerbangan sama adalah sangat rendah.

Berdasarkan maklumat dari-pada syarikat pengeluar pesawat, Malaysia Airlines Berhad (MAB) menjelaskan, udara dalam kabin diagihkan semula selepas disaring melalui udara tapisan partikel keberkesaan tinggi (HEPA).

"Ini bermaksud, kebarangkalian untuk anda terdedah kepada bakteria dan virus menerusi kitaran udara (dalam pesawat) adalah sangat rendah.

"Malah oleh kerana sistem pendaraan yang baik dan sangat berkesan, udara dalam kabin pesawat ialah lebih bersih berbanding bangunan pejabat dan setaraf kualiti di kebanyakan hospital.

"Bagaimanapun, marilah kita terapkan amalan menjaga kebersihan diri dan kerap membersihkan tangan, selain mematuhi etika ketika bersin atau batuk di khalayak umum," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Coronavirus yang dikesan mulai tercerus dan menular dalam kalangan manusia dari pasar makanan laut di Wuhan, wilayah Hubei, China, sejak Disember lalu kini mengorbankan 362 nyawa dan menjangkiti seramai 17,387 orang di seluruh dunia.

Virus baru yang mengundang risiko tinggi dalam kalangan orang tua, kanak-kanak dan mempunyai masalah kesihatan itu setakat ini sudah merebak ke 27 negara di seluruh dunia, termasuk Malaysia, Thailand, Indonesia dan Singapura.

"Rakan kedua-dua kami di Wuhan akan sentiasa memaklumkan perkembangan terkini dan juga tindakan yang perlu diambil. Usaha ini adalah rumit dan kemungkinan berdepan dengan faktor kelewatan daripada jadual asal, namun yang pastinya anda akan berada di dalam penerbangan berkenaan," kata-

"Senti-sia bertengang, sabar dan pastikan anda boleh sentiasa dihubungi, selain menjaga keselamatan serta kebersihannya diri. Sekiranya ia dipatuhui, semuanya akan berjalan dengan baik."

"Inilah saat dan masanya untuk kita bultitkan kepada diri kita serta dunia yang jati diri anak Malaysia bersemangat kental dan bersatu hati!" katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Penularan coronavirus

Tiada kes baharu direkodkan dalam tempoh tiga minggu

Semua individu positif virus dilaporkan stabil, dipantau rapi

Oleh Luqman Arif Abdul Karim
luqman.arif@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tidak ada pertambahan kes positif coronavirus baharu, 2019-nCoV di Malaysia sehingga ini, sekali gus menyaksikan tiada sebarang peningkatan jangkitan itu dalam tempoh lebih tiga minggu.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata semua kes positif adalah membabitkan warga China, masing-masing tiga kes disyaki (PUI) dan lima individu dalam dalam klangan kontak rapat.

"Sehingga jam 12 tengah hari ini (semalam), jumlah terkumpul kes PUI bagi 2019-nCoV adalah 192 orang, iaitu 105 rakyat tempatan, China (82 orang) dan masing-masing satu warga Australia, Korea, Jordan, Brazil dan Thailand.

"Dari pada jumlah PUI itu, tiga disahkan positif coronavirus, kes negatif dan 16 masih menunggu keputusan makmal," katanya dalam kenyataan, semasa

Dzulkefly berkata, kontak positif coronavirus ke-32 orang dan lima



Dr Dzulkefly bersama Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan, Datuk Seri Dr Chen Chaw Min (kiri) pada sidang media di Kementerian Kesihatan, Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

dari padanya yang disahkan positif jangkitan virus berkenaan dimastukkan ke wad pengasingan di Hospital Sungai Buloh dan Hospital Permai.

Sehingga kini, katanya, semua individu yang disahkan positif coronavirus berada dalam keadaan stabil, manakala ujian makmal terhadap 27 kontak rapat lain didapati negatif.

Dalam perkembangan berasingan, Dr Dzulkefly memuji langkah diambil Kerajaan China yang

dilihat melakukan tindakan yang terbaik dan telus dalam menangani penularan coronavirus berbanding ketika wabak Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS) pada 2003.

Beliau berkata, kali ini Kerajaan China lebih rapi apabila memaklumkannya kepada negara lain, selain menutup bandar Wuhan yang dikatakan lokasi wabak itu bermula.

"Tindakan kerajaan China itu perlu dipuji termasuk dalam per-

kongsian maklumat," katanya.

Pada masa sama, Dr Dzulkefly berkata, Malaysia turut bekerjasama dengan negara rantau Asia Tenggara serta komuniti global dalam menangani isu ini.

Antara langkah diambil termasuklah perkongsian maklumat melalui Mesyuarat Pegawai Kanan Pembangunan Kesihatan (SOMHD) yang diadakan di sini ketika ini membabitkan negara ASEAN dan tiga negara lain iaitu Jepun, Korea Selatan dan China.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

SELASA, 4 FEBRUARI 2020

Nasional

Penularan Coronavirus


Semoga semua pulang sihat

Seri Paduka harap rakyat Malaysia dari Wuhan dihindari angkitan

Kuala Lumpur: Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah emalam menzahirkan harapan agar semua rakyat Malaysia yang akan dibawa pulang dari Wuhan, berada dalam keadaan sihat.

Menerusi satu kenyataan dikuarantin Istana Negara, baginda juga menzahirkan harapan agar mereka dihindari daripada jangkitan coronavirus (2019-nCoV) serta penyakit yang tidak diingini.

Datuk Pengelola Bijaya Diraja stana Negara, Datuk Ahmad Fa'il Shamsuddin, memaklumkan Seri Paduka yang sentiasa mengikuti perkembangan mengenai koronavirus amat prihatin dengan



Persediaan proses saringan yang akan dilakukan Unit Kecemasan Udara, di KLIA untuk rakyat Malaysia yang dibawa pulang dari Wuhan.

keselamatan dan kesihatan rakyat Malaysia di Wuhan berikutan penularan dan peningkatan kes jangkitan 2019-nCoV di China.

"Seri Paduka mendoakan agar mereka semua yang akan dibawa pulang dilindungi daripada simptom coronavirus dan semoga mereka dapat bersama dengan keluarga serta sanak saudara ter-

cinta secepat mungkin.

"Al-Sultan Abdullah turut menzahirkan penghargaan kepada Kerajaan Malaysia, khususnya pegawai dan kru penerbangan yang terbabit atas usaha menjayakan kelancaran misi ini untuk membawa pulang semua rakyat Malaysia yang berada di Wuhan ke tanah air," katanya.

Beliau berkata, Seri Paduka turut menzahirkan penghargaan kepada Kementerian Kesihatan atas usaha memantau tahap kesihatan semua rakyat Malaysia berkenaan apabila mereka tiba di Malaysia dan memastikan mereka bebas daripada jangkitan 2019-nCoV serta penyakit yang tidak diingini.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : C32

RUANGAN : KLASSIFIED

SIMPAN UBAT SECARA SELAMAT

PENGAMBILAN ubat dengan kaedah dan dos yang betul amat penting bagi memastikan tindak balasnya mencapai kesan penyembuhan diinginkan.

Namun, cara penyimpanan ubat yang selamat dan betul juga penting kerana ia dapat memastikan kualiti, keberkesaan dan keselamatan ubat terjamin.

Berikut beberapa panduan penyimpanan ubat yang selamat dan betul:

1 Simpan ubat di tempat yang selamat dan khas supaya mudah dicari. Menyimpan ubat di tempat yang dikhaskan akan memudahkan pencarian ubat yang diinginkan jika berlaku sebarang kecemasan.

Selain itu, ia juga memudahkan kita untuk mengingati tempat ubat berkenaan disimpan. Cara ini dapat meningkatkan kepatuhan atau disiplin untuk mengambil ubat pada waktu yang ditetapkan.



2 Simpan ubat secara berasingan mengikut jenis yang berbeza seperti ubat makan (seperti tablet dan sirap) dan ubat kegunaan luar (seperti krim, salap dan ubat titis mata).

Mengasingkan ubat-ubatan mengikut jenis ubat dapat membantu mengurangkan kekeliruan. Mencampur aduk ubat-ubatan yang berlainan jenis boleh menyebabkan kesilapan pengambilan ubat dan juga tindak balas fizikal di antara ubat berkenaan.

Jika ini berlaku, dikhawatir kualiti ubat terjejas, keberkesanannya akan berkurang dan keselamatan pengambilan tidak terjamin sepenuhnya.

3 Simpan ubat mengikut suhu yang disarankan (sila rujuk kepada label bungkusan ubat).

Penyimpanan ubat di tempat yang betul juga boleh mengelakkan kerosakan. Terdapat beberapa jenis ubat yang memerlukan tempat penyimpanan dengan suhu tertentu.

Jika ubat berkenaan rosak disebabkan kesilapan cara penyimpanan, kualiti ubat akan terganggu, keberkesaan rawatan tidak terjamin dan berkemungkinan mendapat kesal sambingan yang tidak diingini.

4 Simpan ubat dalam bekas asal, jangan tanggalkan label ubat yang mengandungi maklumat seperti nama ubat, kekuatan ubat, cara pengambilan, kaedah penyimpanan dan tarikh luput.

5 Simpan ubat di tempat yang tidak dapat dilihat atau dicapai oleh kanak-kanak. Menyimpan dan meletakkan ubat jauh daripada kanak-kanak antara cara penyimpanan yang selamat.

Meletakkan ubat di tempat yang tinggi dan bekas berpenutup dapat mengelakkan kanak-kanak daripada termakan ubat yang boleh membahayakan mereka.

Elakkan beberapa perkara ketika menyimpan ubat. Antaranya:

1 Jangan simpan ubat di dalam kereta dalam jangka masa lama.

2 Jangan simpan ubat berlainan dalam bekas yang sama dan bercampur aduk.

3 Jangan simpan ubat di tempat yang terdedah kepada cahaya matahari, suhu tinggi dan kawasan yang lembap, seperti di tepi tingkap, di atas peti sejuk atau di dalam bilik mandi.

4 Jangan simpan ubat di dalam peti sejuk kecuali diarahkan berbuat demikian (sila rujuk kepada label bungkusan ubat).

5 Jangan simpan ubat yang sudah tamat tarikh luput, rosak atau hilang labelnya.

Sumber: Portal rasmi MyHealth Kementerian Kesihatan Malaysia



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 31

RUANGAN : #ITMETRO

#ITMETRO

ANALISIS DATA WABAK PENYAKIT

'CoronaTracker' beri maklumat kepada umum berkaitan ancaman virus koronavirus baru secara global



Oleh Muhammad Saufi Hassan
saufi@mediaprima.com.my

Keupayaan teknologi masa kini bukan saja memberi kemudahan kepada pengguna untuk berhubung menerusi jaringan telekomunikasi, sebaliknya perkara yang lebih utama adalah semua pihak mampu untuk mengakses data secara menyeluruh.

Hasil daripada perkembangan teknologi itu juga semua pihak dapat melakukan pengumpulan data membabitkan wabak penyakit terbaru iaitu koronavirus baru (2019-nCoV) yang melanda dunia bartini.

Wabak berkemara yang dipercayai bermula di Wuhan, China mencetuskan keimbangan masyarakat antarabangsa sehingga memaksa Organisasi Kesihatan Sedunia (WHO) mengisyaratkan Kecemasan Kesihatan Global hujung minggu lalu.

Berikut itu sekumpulan sahut data Malaysia mewujudkan laman web yang dikenali sebagai 'CoronaTracker' bertujuan untuk memberi maklumat kepada umum berkaitan ancaman virus berkenaan secara global.

> 32



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 32

RUANGAN : #ITMETRO

FOKUS

DARI MUKA 31

Ketua Saintis Data CoronaTracker, Hafeez Nazri berkata, laman web itu dihasilkan bersama pengasasnya, Dr Cher Han Lau pada 25 Januari lalu sebelum dilancarkan secara rasmi Isnin lalu.

Sejak laman web itu dilancarkan, platform berkenaan sudah menarik lebih 700 sukarelawan daripada pelbagai bidang antaranya saintis data dan doktor perubatan untuk melakukan analisis data.

Menurutnya, ia bermula selepas mereka melihat platform sama yang dibuat John Hopkins University (JHU), namun apa yang dipaparkan di dalam itu terlalu umum dan tidak merangkumi maklumat tepat seperti jumlah kematian serta sebagainya.

"Ia memberikan kami satu idea untuk menubuhkan platform sendiri dan mengajak orang ramai menggunakan laman sosial Facebook (FB) untuk menjadi sukarelawan dalam projek ini."

"Bermula dengan sekirat 20 orang, namun sehingga kini 700 orang dari seluruh dunia sudah menjadi sukarelawan bekerjasama menghasilkan analisis dan model berkaitan virus," katanya.

Hafeez berkata, antara negara yang bekerjasama dengan pihaknya seperti Perancis, Belanda, Singapura, Indonesia, Vietnam, Taiwan dan India.

"Mereka ini terdiri daripada pelbagai latar belakang pekerjaan seperti doktor, data saintis, perhubungan awam, teknologi maklumat dan sebagainya."

"Tujuannya untuk mengumpul data daripada pelbagai sumber bagi saintis data dan penganalisis menganalisis data itu. Kami juga akan menggunakan data ini mungkin untuk meramalkan sesuatu pada masa depan," katanya.

Malah, Hafeez berkata, ia memudahkan orang ramai untuk mendapat maklumat yang sahih dan terkini berkaitan virus itu dan mengelak penyebaran berita palsu.

"Orang ramai juga akan dapat melihat statistik berkaitan virus itu yang disahkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan JHU."

PLATFORM MAKLUMAT TEPAT

Lebih 700 sukarelawan pelbagai bidang serta CoronaTracker analisis data virus koronavirus baharu



PLATFORM berkenaan sudah menarik lebih 700 sukarelawan daripada pelbagai bidang antaranya saintis data dan doktor perubatan untuk melakukan analisis data.



Tujuannya untuk mengumpul data daripada pelbagai sumber bagi saintis data dan penganalisis menganalisis data itu. Kami juga akan menggunakan data ini mungkin untuk meramalkan sesuatu pada masa depan

HAFEEZ

CoronaTracker

Home What is 2019-nCoV Prevention Sources Analytics About

I am from... Malaysia

CONFIRMED	14669
RECOVERED	348
DEATH	305

Trending News

Help us collate the locations for your country! Join our telegram group

Select Region

In an hour

CORONATRACKER boleh dilayari pengguna dan mengetahui maklumat terbaru berkenaan wabak berkenaan

Home What is 2019-nCoV Prevention Sources Analytics About

I am from... Malaysia

CONFIRMED	8
RECOVERED	0
DEATH	0

Screening Centres

Select A Region

Help us collate the locations for your country! Join our telegram group

LAMAN web yang dicipta anak tempatan menjadi rujukan pengguna termasuk penduduk di luar negara berkaitan serangan koronavirus baharu.

Malaysia to send 18 million medical gloves to Wuhan for heal...
KUALA LUMPUR: The Malaysian government will be sending 18 million pieces of medical gloves to healthcare workers in Wuhan amid an escalating coronavirus outbreak....

2 days ago

"Kami turut membuat perbandingan dengan virus yang terdahulu seperti Sindrrom Pernafasan Akut Teruk (SARS) bagi orang ramai mendapat maklumat," katanya.

Selain itu, Hafeez berkata, kumpulannya turut memikirkan untuk menggunakan platform sama bagi menyiaran berita atau maklumat yang lebih bersifat tempatan dan dekat dengan negara ini.

Menurutnya, pihaknya turut mengharapkan supaya lebih ramai sukarelawan yang mempunai kepakaran masing-masing untuk turut serta dan membangunkan sebuah platform yang berasaskan kepada data maklumat.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : ANCAMAN KORONAVIRUS DI CHINA

Waris tidak dibenarkan melawat, kata Dr Dzulkefly

PUTRAJAYA - Waris kepada 141 rakyat Malaysia yang dibawa pulang dari Wuhan, China dalam misi penerbangan khas tidak dibenarkan untuk melawat sehingga tamat tempoh kuarantin 14 hari.

Menurut Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, turut dikuarantin ialah seramai 26 pegawai kerajaan dan 12 kru penerbangan pesawat misi itu.

"Kesemua yang terlibat dalam misi itu akan dikuarantin," katanya pada sidang akhbar di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di sini semalam.

Menurutnya, dalam usaha membawa pulang rakyat di wilayah Hubei, KKM akan memastikan langkah-langkah pencegahan dan kawalan infeksi dipatuhi setiap masa.

"Misi tersebut terbahagi kepada empat fasa iaitu sebelum berlepas ke Wuhan, semasa membawa pulang, ketibaan di tanah air dan kemasukan



DR DZULKEFLY

semua individu terlibat ke pusat pemantauan," katanya.

Beliau berkata, hanya mereka yang disahkan sihat oleh pihak berkuasa China akan dibawa pulang.

"Mereka ada gejala akan dibawa ke fasiliti kesihatan di Wuhan," katanya.

Dr Dzulkefly berkata, semasa dalam perjalanan, penumpang pesawat akan dipantau enam pegawai KKM.

"Kesemua penumpang tidak akan memasuki bangunan Terminal Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur.

"Sebaliknya, mereka akan dibawa ke Unit Kecemasan Udara (ADU) dengan menaiki bas untuk proses kontaminasi dan saringan kesihatan.

"Mereka yang ada gejala akan dibawa ke Hospital Sungai Buloh dan Hospital Kuala Lumpur. Individu yang sihat pula dibawa ke Pusat Pemantauan dan dibenarkan pulang selepas disahkan sihat dan negatif jangkitan," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 32

RUANGAN : NEGERI: MELAKA/N.SEMBILAN

32

Sinar
NEGERI

SELASA 4 FEBRUARI 2020 • SINAR HARIAN

• MELAKA • N.SEMBILAN

Siasat tandas hospital kotor, rosak



Guna Vimala • SEREMBAN

7 kali

HOSPITAL TUANKU JAAFAR SEREMBAN. Tegok keadaan tandas kecemasan hospital paip air pecah, lagi setiap tandas tak de paip untuk pergi jaban tak de macam mana org hak cuci heee... lah pintu tandas semua rosak tak de lock. Semalam i nak guna tandas tapi tgk semua rosak i minta tolong dkt security guard nak pergi tandas sebelah dia dgn pintu masuk ke wad tu yang bawah itu guard itu ckp tandas itu dikt bawah untuk staff sahaja dia guna tali i pergi tgk tandas awam pula knp guard itu ckp macam tu pula. Guard malam itu ckp macam itu lagi dia nak macam marah dgn saya. I pergi megaduh dkt guard dkt depan sekil macam pondok guard org melayu dia ckp boleh encik pergi tandas itu lps itu dia ckp dgn guard yg jahat tadi tak bagi i guna tandas itu.. Lps itu baru dia bagi i guna tandas itu tandas itu pula bersih sangat. Knp guard hospital ini budi macam itu pula. baik sikit ckp dgn org jagan nak tunjuk muka pula nak kurang ajar dgn org awam tolong lah baik sikit peregap itu tolong bersopan sikit hormat org sikit tak baik kita semua manusia bukan hawan..... Kita semua 1 Malaysia.... Ok tq kalau i ada ckp salah tolong minta maaf ye.... Pihak kerajaan tolong ambil tindakan keadaan Hospital Tuanku Jaafar Seremban.



Tangkap layar kenyataan Guna Vimala di Facebooknya.

Pengguna media sosial kecewa keadaan tandas di bahagian kecemasan HTJ

Oleh SYAMILAH ZULKIFLI


SEREMBAN

Kepala paip pecah, pintu rosak dan kotor! Itu dakwaan pemilik akaun Facebook yang menggunakan nama Guna Vimala terhadap kemudahan tandas lelaki di bahagian kecemasan Hospital Tuanku Jaafar (HTJ) di sini kelmarin.

Dia yang menyatakan kekecernaanannya di laman sosial berhubung perkara itu berharap kerajaan negeri dapat mengambil tindakan sewajarnya.

Turut disertakan beberapa keping gambar keadaan tandas terbabit yang jelas menunjukkan kemudahan itu tidak dijaga dengan baik.

Perkongsian tersebut turut mendapat pelbagai reaksi netizen yang kesal



Gambar keadaan tandas lelaki di bahagian kecemasan HTJ yang dikongsikan pemilik akaun Facebook Guna Vimala.

dengan sikap individu tidak bertanggungjawab yang tidak menjaga kemudahan dengan baik.

Tidak kurang juga ada yang menyalahkan pihak pengurusan hospital dan pekerja pembersihan:

Pemilik akaun Facebook Radha Krishnan pula berkata, ia sesuatu yang memalukan dengan status Seremban yang kini telah diisyiharkan sebagai bandar raya.

Lone Del Sol pula berkata, fasiliti sudah lengkap tapi soal penjagaan

sangat teruk, pengurusan hancur dan mentaliti pengguna tahap sampah.

Sementara itu, Exco Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan Negeri Sembilan, S Veerapan berkata, pihaknya sudah memaklumkan kepada pengurusan HTJ untuk menyiasat dan mengambil tindakan berhubung perkara itu.

Menurutnya, tanggungjawab menjaga kemudahan awam adalah peranan bersama dan bukannya pada pihak tertentu.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : LOKAL



PELANCONG memakai topeng muka di sekitar Istana Negara, semalam.



Oleh Amir Abd Hamid
amir_hamid@mediaprima.com.my

Putrajaya

Waris semua 161 individu yang bakal pulang ke tanah air dari Wuhan, China, dilarang berjumpa mereka sehingga tempoh kuarantin selama 14 hari selesa.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, larangan itu turut terpakai kepada 12 kru penerbangan AirAsia dan lapan pegawai kerajaan yang

menyertai misi hari ini.

Beliau berkata, ifu prosedur misi bantuan kemanusiaan dan bencana (HADR) Malaysia ke China yang dilaksanakan berikutnya penularan koronavirus baru (2019-nCoV) dari Wuhan.

"Orang ramai yang menggunakan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) juga tidak perlu bimbang.

"Ini kerana semua individu yang pulang dari Wuhan itu tidak akan masuk ke terminal.

"Sebaliknya mereka terus dibawa dengan bas khas ke Unit Kecemasan Udara (ADU) untuk menjalani proses dekontaminasi dan saringan kesihatan," katanya semalam.


Hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Datuk Seri Dr Chen Chaw Min, Timbalan Ketua

Waris dilarang jumpa

Ahli keluarga individu dari Wuhan perlu tunggu tempoh kuarantin 14 hari selesai



“
Mereka terus dibawa dengan bas khas ke Unit Kecemasan Udara (ADU) untuk menjalani proses dekontaminasi dan saringan kesihatan
Dr Dzulkefly



Tidak import dari wilayah terjejas wabak H5N1

Putrajaya Malaysia tidak mengimport haiwan hidup dan produk dari kawasan Shaoyang di wilayah Hunan, China yang dilaporkan berlakunya wabak selesesa burung H5N1.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Datuk Dr Quaza Nizamuddin Hassan berkata, Malaysia mengimpor keratan ayam dari loji pemprosesan ayam di Liao-

cheng, Shangdong terletak 1,313 kilometer (km) dari tempat kejadian.

Berdasarkan laporan media, China melaporkan penularan H5N1 di sebuah ladang ternakan di bandar Shaoyang, dengan 4,500 daripada 7,859 ayam diternak di ladang itu

dilaporkan mati akibat jangkitan virus itu.

Menurut Quaza Nizamuddin, pihak berkuasa China sudah mengambil tindakan mengawal penyakit itu susulan laporan kes H5N1 itu. Jaba-

tan Perkhidmatan Veterinar juga sentiasa mengambil sampel keratan ayam yang dibawa masuk untuk diuji bagi penyakit H5N1, katanya semalam.

"Setakat ini tiada sampel yang positif," katanya.


Langkah berjaga-jaga juga akan ditingkatkan dan sampel akan diambil daripada setiap kosainen untuk diuji, katanya.



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : LOKAL



PESAWAT Air Asia AK8264 berlepas daripada klia2 ke Wuhan, China untuk membawa pulang 141 rakyat Malaysia.

Pengarah Kesihatan (Perubatan) Datuk Dr Rohaizat Yon, Pengarah Kawalan Penyakit KKM Dr Norhayati Rusli.

Dzulkefly berkata, saringan masul dan dekontaminasi untuk semua itu akan dibantu Pasukan Khas Bahagian Kimia Berbahaya (Hazmat) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia bersama KKM.

"Mereka yang tidak bergejala akan dibawa ke pusat pemantauan yang

terletak tidak jauh daripada KLIA.

"Manakala mereka yang menunjukkan gejala akan terus dibawa ke hospital rujukan sama ada di Hospital Sungai Buloh atau Hospital Kuala Lumpur," katanya.

Namun beliau enggan mendedahkan lokasi pusat pemantauan untuk kuarantin itu di bawah tanggungjawab Agensi Pengurusan Bencana (Nadra).

SARUNG tangan yang dibawa sebagai sumbangan kepada kerajaan China.

KES VIRUS WUHAN		
Sehingga 9 malam, 3 Februari 2020		
Tempat	Kes	Kematian
China	17302	361
Jepun	20	0
Thailand	19	0
Singapura	18	0
Korea Selatan	15	0
Hong Kong	15	0
Australia	12	0
Amerika Syarikat	11	0
Taiwan	10	0
Jerman	10	0
MALAYSIA	8	0
Macau	8	0
Vietnam	8	0
Perancis	6	0
UAE	5	0
Kanada	4	0
India	3	0
Itali	2	0
United Kingdom	2	0
Rusia	2	0
Filipina	2	1
Nepal	1	0
Kemboja	1	0
Sri Lanka	1	0
Finland	1	0
Sweden	1	0
Sepanyol	1	0
JUMLAH	17,488	362

Sumber: thewuhanvirus.com

Metro

Pesawat khas berlepas ke China

Kuala Lumpur: Pesawat khas bagi misi membawa pulang rakyat Malaysia, pasangan dan anak-anak mereka di Wuhan berikutnya penularan koronavirus baharu, berlepas ke China petang semalam.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata, pesawat AirAsia AK8264 itu berlepas jam 3.50 petang bersama 12 kru dan lapan petugas misi daripada Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (klia2) ke Wuhan, China untuk membawa pulang 141 rakyat Malaysia termasuk pasangan dan anak mereka.

"Penerbangan ini juga membawa bersama 500,000 sarung tangan getah sebagai sumbangan kepada kerajaan China dalam operasi membanteras penularan koronavirus baharu di negara itu," katanya.

Beliau yang juga Pengurus Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat itu berkata, semua 141 penumpang melalui tapisan kesihatan mengikut ketetapan pihak penerbangan di Lapangan Terbang Antarabangsa Tianhe Wuhan sebelum dibenarkan memasuki pesawat untuk berlepas pulang ke Malaysia.

Bagaimanapun, tegasnya, tempoh masa diambil untuk tapisan kesihatan, proses imigrasi dan kebenaran berlepas tidak dapat dipastikan buat masa ini.

Dr Wan Azizah menjelaskan, sebaik tiba di Malaysia,



Penerbangan ini juga membawa bersama 500,000 sarung tangan getah sebagai sumbangan kepada kerajaan China"

Dr Wan Azizah

semua 167 penumpang (141 yang dibawa pulang, 12 kru, lapan petugas misi dan enam pegawai daripada Keduduan Besar Malaysia di Beijing) sekali lagi melalui tapisan kesihatan di Unit Kecemasan Udara (ADU) Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

"Mereka yang dikesan mempunyai simptom koronavirus akan dibawa terus ke hospital manakala yang me-

lepas saringan dibawa menuai bas ke Pusat Pemantauan ditetapkan bagi tempoh 14 hari.

"Nadra akan berhubung dengan keluarga mereka dan memberi penerangan berkaitan proses kuarantin," tambahnya.

Difahamkan misi membawa pulang rakyat Malaysia dari Wuhan, China perlu melalui empat fasa iaitu sebelum berlepas ke Wuhan, semasa misi membawa pulang, ketibaan di tanah air dan kemasukan semua individu yang terlibat ke Pusat Pemantauan.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata pada fasa pertama, iaitu sebelum berlepas ke Wuhan, Kementerian Kesihatan (KKM) akan memastikan langkah-langkah pencegahan dan kawalan infeksi akan dipatuh sepenuhnya dalam melaksanakan misi itu.

Beliau berkata, dalam fasa kedua (*in flight operation*), pemantauan oleh kakitangan pasukan perubatan akan sentiasa memantau penumpang dan kru, dan sekiranya ada yang mempunyai gejala akan diisolasi di penghujung pesawat yang mempunyai kapasiti 188 tempat duduk.

"On landing and sebelum mereka keluar akan dilakukan langkah 'disinfection spray to disinfect the flight' dan apa juga barang-barang di dalam pesawat," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : LOKAL

Ikut contoh Jepun

Edar topeng, pencuci tangan percuma kepada orang ramai



Oleh Ekhwan Haque
Fazilul Haque
ekhwan@hmetro.com.my

Kuala Lumpur



TOPENG muka dan pencuci tangan kini mendapat permintaan tinggi.

Peniaga dan pembekal topeng muka serta pencuci tangan disarankan menurunkan harga atau mengedarkan barang ini secara percuma sebagai sumbangan kepada masyarakat dan negara ketika Malaysia diancam koronavirus baru.

Cadangan itu disuarakan Timbalan Presiden Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (Forma) Mohd Yusof Abdul Rahman yang mahu syarikat korporat membantu meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap pengguna dua item utama ini sebagai langkah pencegahan.

Menurutnya, syarikat pembekal dan peniaga di beberapa negara seperti Jepun sudah mengedarkan topeng muka secara percuma sebagai tanggungjawab sosial korporat (CSR) kepada komuniti setempat.

"Malaysia juga boleh mengambil contoh sama dengan berganding bahu mengedarkan dua barang utama ini secara percuma kepada orang ramai bagi menghindarkan masyarakat setempat dijangkiti virus maut itu."

"Jika agak sukar, mungkin potongan harga boleh diberikan.

"Soal untung dan rugi adakalanya perlu dikompromi demi memastikan Malaysia selamat dan

Wuhan sebuah bandar di wilayah Hubei dikatakan menjadi lokasi punca penularan wabak

masyarakat mengambil langkah berjaga-jaga lebih awal sebelum ia merebak lebih meluas," katanya.

Mohd Yusof berkata, langkah yang diambil ini boleh membantu kerajaan mengawal penularan wabak berkenaan, sekali gus menjadikan masyarakat di Malaysia selamat.

Katanya, sudah tiba masa ahli perniagaan bersanding bahu

membantu kerajaan dan negara kerana virus ini bukan

saja menjadikan kesihatan malah turut memberi impak kepada ekonomi negara.

Topeng muka dan pencuci tangan kini menjadi barang yang 'panas' ekoran permintaan tinggi daripada orang ramai sebagai langkah pencegahan penularan koronavirus baru.

Wuhan sebuah bandar di wilayah Hubei dikatakan menjadi lokasi punca penularan wabak itu kini sepi selepas kerajaan China memberikan arahan agar penduduk tidak melakukan sebarang aktiviti luar sehingga kawasan berkenaan disahkan selamat.

Tiada penambahan kes baharu



DR Dzulkefly (tengah) ketika sidang media selepas Mesyuarat Khas dan Sesi Takhlim Berkaitan Isu Koronavirus Baharu di Putrajaya, semalam.

Putrajaya: Mampu menarik nafas lega apabila pemantauan mendapati tiada penambahan kes positif koronavirus baharu di Malaysia setakat jam 12 tengah hari, semalam.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, jumlah kumulatif kes positif yang dilaporkan kekal lapan kes setakat ini.

Pecahan lapan kes itu katanya, membatikan tiga kes yang terdahulu dilaporkan dalam kalangan kes Patient-Under Investigation (PUI) jangkitan koronavirus baharu dan lima kes dalam kalangan kontak rapat.

"Semua kes positif koronavirus baharu ini adalah warganegara China. Sehingga jam 12 tengah hari 3 Februari 2020, jumlah kumulatif kes PUI bagi koronavirus baharu seramai 192 orang apabila 105 adalah

warga negara Malaysia, 82 warganegara China dan masing-masing satu warga negara Australia, Korea Selatan, Jordan, Brazil dan Thailand.

"Tiga kes sudah disahkan positif koronavirus baharu, 173 kes negatif dan 16 masih

menunggu keputusan makmal," katanya dalam sidang media, semalam.

Beliau berkata, kontak rapat kepada kes positif koronavirus baharu kekal seramai 32 orang.

Menurutnya, daripada jumlah itu lima kes disahkan

Kontak rapat kepada kes positif koronavirus baharu kekal seramai 32 orang

Dr Dzulkefly

positif jangkitan koronavirus baharu dan dimasukkan ke wad isolasi di Hospital Sungai Buloh (empat orang) dan Hospital Permai (seorang).

"Alhamdulillah ini adalah hari keempat tiada penambahan kes koronavirus baharu. Semua kes terdahulu adalah dalam keadaan stabil.

"Manakala ujian makmal ke atas 27 kontak rapat lain didapati negatif jangkitan koronavirus baharu," kata-

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS



theSUN ON TUESDAY | FEBRUARY 4, 2020 | 3

NEWS WITHOUT BORDERS

A nurse checks the temperature of a visitor as part of the coronavirus screening procedure at a hospital in Kuala Lumpur yesterday.

- REUTERSPIX

Stringent checks on Wuhan returnees

» Hazardous Materials Unit to conduct decontamination and screening: Dzulkefly

BY AMAR SHAH MOHSEN
newsdesk@thesundaily.com

PUTRAJAYA: It will be safety first for the 116 Malaysians, and 25 non-citizens comprising spouses and children registered with the Malaysian embassy, returning on an AirAsia flight from Wuhan, China today.

The entourage bound for home will go through stringent health and safety procedures to eliminate any risk of spreading the novel coronavirus infection in the country.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad (*pix*) said, among other things, they will not be allowed to enter the main terminal at KLIA upon arrival, and will be ferried by a bus to the Air Disaster Unit building for decontamination and exit screening procedures.

"The public need not worry as they won't be entering the terminal. Our officers and the Hazardous Materials Unit under the Fire and

Rescue Department will conduct the necessary decontamination and screening," he said at a press conference here yesterday.

Dzulkefly said those with symptoms of the virus will be taken to hospital while the others will be sent to a surveillance centre at an undisclosed location nearby where they will be quarantined and monitored for 14 days.

He said only those declared healthy and negative of the coronavirus, after the two week incubation period, will be allowed to return home.

"To ensure the safety of all, family and friends will also not be allowed to visit the returning entourage from Wuhan during the 14 days. They can only communicate via mobile phones."

Dzulkefly said all those on the flight would have to undergo and pass exit screening



processes and procedures conducted by China health authorities at Wuhan Tianhe International Airport.

A total of 12 AirAsia crew members, eight government officers and six Malaysian embassy officials are involved in the mission, and all are required to go through the same precautionary measures upon returning to Malaysia.

Dzulkefly said as of noon yesterday, the total number of confirmed coronavirus cases in Malaysia remained at eight.

The minister also expressed optimism that a vaccine to counter the virus could be developed soon after Japan succeeds in cultivating and isolating the virus from a human carrier.

Meanwhile, the National Disaster Management Agency said it was unable to confirm how long the screening procedures at the airport in Wuhan will take, or the departure/arrival time of the homecoming flight.

It added that the flight, which departed from klia2 at 3.50pm for Wuhan yesterday, was carrying 500,000 pairs of gloves to be contributed to the Chinese government, which is facing a shortage in fighting the coronavirus.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

No hugs await M'sians from Wuhan

By JOSEPH KAOS Jr
newsdesk@thestar.com.my

PUTRAJAYA: There will be no warm homecoming for Malaysians returning home from Wuhan today.

They will not be allowed to enter the KL International Airport (KLIA) building but will be isolated for 14 days to ensure they are truly free from the novel coronavirus (2019-nCoV), said Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

Furthermore, all the passengers, including the crew and Health Ministry officers, will not be allowed visitation from family members while they are being quarantined.

"Upon arrival the flight from Wuhan will land at KLIA. Rather than entering the terminal building, passengers will be transported by special buses to the Air Disaster Unit building for decontamination and entry screening. This will be conducted by the Fire and Rescue Department's Hazmat unit.

"Those with symptoms will be taken away to our referral hospitals, either the Hospital Sungai Buloh or Hospital Kuala Lumpur," he said at a press conference here yesterday.

"Those without symptoms will be brought to a surveillance centre where they will be quarantined and monitored for 14 days."

Laden with 500,000 pairs of rubber gloves, the flight from KLIA to Wuhan departed at 3.50pm yesterday, and the return flight is scheduled to arrive today.


A total of 141 passengers; 116 Malaysians and 25 non-Malaysians who are family members, have been identified for the return flight from Wuhan.

Dzulkefly said that they will be subjected to exit screening by Chinese health authorities at the Wuhan Tianhe International Airport before they board the plane.

"If any of them are found to have symptoms, they will not be allowed on the flight and will be taken to a health facility in Wuhan for further treatment," he said.

Operation to fly Malaysians home

Malaysia sent a plane to Wuhan to evacuate 141 Malaysians from the epicentre of China's virus outbreak, as the death toll from this new strain climbed to 362. The Malaysians are expected to arrive at Kuala Lumpur International Airport (KLIA) today or tomorrow.



Eight officers from the Health Ministry, the National Disaster Management Agency (Nadma) and the Foreign Ministry were on the plane leaving KLIA to facilitate the rescue process.

There will also be 12 flight crew members on board the AirAsia plane, comprising one pilot, one co-pilot and 10 flight attendants.

Nadma, which is headed by Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, said it was in contact with the family members about matters relating to the return flight as well as to explain the quarantine process.

Meanwhile, Dzulkefly said there was no increase in the number of positive 2019-nCoV cases in Malaysia, keeping the tally at eight.

"Thank God, it has been four days without an increase in the number of cases."

"The patients under our care are all in a stable condition, and their symptoms show no sign of worsening," he said, adding that it was hoped they would recover in the next seven days and tested negative for the 2019-nCoV.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS/NATION

NEWS / *Nation*

WITH 500,000 PAIRS OF GLOVES FOR CHINA

AIRASIA FLIGHT HEADS TO WUHAN TO BRING BACK 141 PEOPLE

They will be screened at Wuhan airport and again at KLIA's Air Disaster Unit

NOR AIN MOHAMED RADHI
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

An AirAsia flight carrying 12 crew members and eight mission officers left for Wuhan, China, yesterday to bring back Malaysian citizens and their families in the wake of the novel coronavirus (2019-nCoV) outbreak in the country.

Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail said AirAsia Flight AK8264 left klia2 at 4.30pm.

The flight carried 500,000 pairs of gloves to help the Chinese government combat the spread of the coronavirus.

Dr Wan Azizah said all 141 passengers would undergo health screening at the Tianhe Interna-

tional Airport in Wuhan before boarding the flight home.

"The length of time it takes for the health screening, immigration process and departure permit, however, can't be determined at the moment."

Dr Wan Azizah, who is head of the National Disaster Management Agency (Nadma), said upon their arrival in Malaysia, all 167 passengers, including the crew, mission officers and officers from the Malaysian embassy in Beijing, would undergo another health screening at the Air Disaster Unit (ADU) at Kuala Lumpur International Airport (KLIA).

"Those with symptoms of the virus will be taken to hospital, while those who are healthy will be brought to a quarantine centre for monitoring for 14 days.

"Nadma will be in contact with their families regarding the details of their flight back home as well as the quarantine process that they have to go through for 14 days."

Preparations are in place to ensure that the returning Malaysians undergo health screening.

Photos provided by Nadma



showed that operations at the ADU are in full swing.

Tents have been set up, along with medical supplies, to conduct medical examinations.

Officers from the Hazardous Materials Management team have been deployed to the site.

The Malaysians returning from China will not enter the KLIA terminal building upon arrival. They will disembark from the aircraft and board a bus that will take them to the ADU for screening.

On Saturday, the *New Straits Times* reported that the government had been allowed by the Chinese authorities to evacuate Malaysians in Wuhan and Hubei province.

There are 35,000 Malaysians living in China, 25,000 in Hong Kong and 2,500 in Beijing.

The Health Ministry said to date, there had been no additional 2019-nCoV cases in Malaysia. The number of positive cases remains at eight.

The number of patients under investigation is 192 and 16 are waiting for laboratory results.



Mission officers preparing for the trip to Wuhan, China, at klia2, Sepong, yesterday. PIC BY AIZUDDIN SAAD

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NEWS/NATION

Nation / NEWS

3



AirAsia Flight AK8264 with the 500,000 pairs of rubber gloves given by Malaysia to China at klia2 in Sepang yesterday. BERNAMA PIC

Dzulkefly praises China for swift action

PUTRAJAYA: Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad has commended China for managing and containing the spread of the novel coronavirus (2019-nCoV).

He was comparing the way the Chinese government handled the 2019-nCoV outbreak with the way it handled the Severe Acute Respiratory Syndrome (SARS) outbreak.

"I must say China has done a good job and that the Chinese government is transparent as opposed to the SARS episode."

"China has implemented rigorous measures, including putting Wuhan (the epicentre of the 2019-nCoV epidemic) in a lockdown."

"The country has implemented measures such as boosting sharing of information, investi-

gating, as well as research on the coronavirus," he said yesterday.

Dr Dzulkefly said Malaysia was looking into measures to prevent the virus from spreading but remained guided by recommendations by the World Health Organisation (WHO), similar to other countries.

"We must stay guided by WHO's advice that designated the 2019-nCoV as a Public Health Emergency of International Concern."

"At the end of the day, we must be responsible for our action."

"We are closely working together with Asean nations as well as the world health and medical scientific community over issues surrounding the outbreak."

He said there were no new

2019-nCoV cases.

He said the number of confirmed cases stood at eight and they involved China nationals.

The number of patients under investigation (PUI), he said, was 192, with 173 of them testing negative for the virus.

He said the ministry, however, was waiting for laboratory results involving 16 of the PUI cases.

On the progress of those who tested positive for the virus, Dr Dzulkefly said they showed no worsening symptoms.

"A disease is always self-limiting."

"It will regress with time. They (the patients) will recover."

"We will repeat throat swabs on patients to monitor the situation."

Evacuees will be quarantined for 14 days

PUTRAJAYA: Malaysians and their non-citizen spouses and children, who will be evacuated from Wuhan, China, will be placed under quarantine for 14 days upon arrival at Kuala Lumpur International Airport (KLIA).

The quarantine is the last of the four phases involved in the evacuation of Malaysians in Wuhan, the epicentre of the novel coronavirus (2019-nCoV) outbreak.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said the same applied to those involved in the mission, including AirAsia crew members and accompanying officers from the Health Ministry, Wisma Putra and the National Disaster and Management Agency (Nadma).

He said they would be quarantined and barred from receiving visitors.

He said they might be allowed to stay in touch with relatives "through telecommunication".

"Passengers, officers involved in the mission and crew members will not enter the terminal building."

"Instead, they will be transported using a bus to the Air Disaster Unit (ADU) at KLIA where they will undergo a decontamination process that will require them to change into attire provided by Nadma."

"They will undergo health screening."

"I was informed that the Fire and Rescue Department's Hazardous Materials Unit and officers from the Health Ministry will facilitate the decontamination process and health screening," he said here yesterday.

Present were Health deputy director-general (medicine) Datuk Dr Rohazat Yon and the ministry's Disease Control Division director, Dr Norhayati Rusli.

Dr Dzulkefly said those who displayed symptoms of the coronavirus upon checks at the ADU would be taken to Sungai Buloh Hospital or Kuala Lumpur Hos-

pital for treatment.

"Those who do not display any symptom will be quarantined at a surveillance centre in the vicinity."

"They will be allowed to return home only after it is proven that they are healthy and free of the virus after 14 days, since this is the time frame for the incubation period."

He said the first phase of the evacuation involved the preparation by team members from Malaysia prior to their departure to Tianhe International Airport in Wuhan.

The preparation, he said, included briefings to team members to ensure they adhered to measures to prevent virus infection.

"The second phase involves in-flight operations...what happens on board the aircraft."

"The people who will be brought home will be those who have undergone health screening conducted by the health authorities in China."

"Only those who are healthy will be allowed to board the aircraft."

Only those who are healthy will be allowed to board the aircraft. Those who are unable to board the flight (after displaying symptoms of the 2019-nCoV during the exit health screening) will be treated at health facilities in Wuhan.

DATUK SERI DR DZULKEFLY AHMAD
 Health minister

had yet to receive updates on the health status of those who would be evacuated.

"The flight from Wuhan to Malaysia will take about four to five hours."

"During the flight, health officers will check and monitor those on board."

"If they develop any symptom, they will be placed at the end (last seats) of the aircraft," he said, adding that the aircraft could accommodate up to 180 people.

He said the third phase of the mission involved disinfecting passengers and the aircraft before landing.

"Passengers' goods will also be disinfected."

